

PENGGUNAAN FUN STICK DALAM KEMAHIRAN MENGEJA SUKU KATA KVKV MURID MASALAH PENDENGARAN SEKOLAH RENDAH.

*(The Effectiveness Of Fun Stick In Improving The Spelling Skill Of Words With The KVKV
Patterns For Primary School Hearing Impaired Students)*

Muhammad Haikal Mohd Amin^a, Anita Sapura Shaari^b, Mas Samah Lakim^c

^{abc}Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Malaysia
E-mail : muhammadhaikalamin@gmail.com

Abstrak: Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran mengeja perkataan KVKV dalam kalangan murid masalah pendengaran menggunakan fun stick. Peserta kajian terdiri daripada empat orang murid Tahun Pengukuhan. Pengumpulan data awal yang diperoleh mendapati mereka lemah dalam mengeja perkataan KVKV disebabkan kesukaran menguasai aspek tatabahasa Bahasa Malaysia. Fokus kajian adalah untuk memastikan peserta kajian dapat mengeja perkataan KVKV menggunakan fun stick. Pelaksanaan pengumpulan data awal adalah melalui ujian diagnostik, temu bual dan analisis dokumen. Hasil daripada analisis pengumpulan data awal menunjukkan bahawa keempat-empat peserta kajian amat lemah dalam mengeja perkataan KVKV. Oleh itu, penggunaan fun stick bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran mengeja perkataan tersebut. Kajian ini menggunakan tiga jenis kaedah pengumpulan data iaitu ujian, temu bual dan analisis dokumen. Hasil analisis data menunjukkan bahawa peserta kajian mendapat markah yang tinggi dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Tiga orang peserta kajian berjaya memperoleh keputusan ujian pasca yang tinggi dan mencapai gred tertinggi A selepas tindakan diberikan manakala seorang peserta kajian mencapai gred B. Hasil temu bual bersama guru Bahasa Malaysia pula menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif ke atas peserta kajian selepas tindakan dijalankan. Dapatan analisis dokumen menunjukkan berlakunya peningkatan dalam kemahiran mengeja perkataan KVKV setelah melaksanakan tindakan. Dalam kajian seterusnya, pengkaji bercadang untuk meluaskan skop penggunaan fun stick dengan mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran mengeja perkataan Bahasa Malaysia. Hal ini adalah untuk memberi lebih banyak peluang kepada peserta kajian untuk mempelajari kemahiran mengeja perkataan melalui pembelajaran yang menyeronokkan.

Kata kunci: kemahiran mengeja, suku kata KVKV, fun stick

Abstract: This action research was conducted to enhance the spelling skill of words with the KVKV patterns among the hearing impaired pupils through the usage of "fun stick". The research participants consisted of 4 pupils from the Enrichment Group. Through the initial data gathering, it was found that the participants were weak in spelling word with the KVKV patterns due to the difficulty in mastering the grammar aspects of Bahasa Malaysia. The focus of this research was to ensure the participants were able to spell words with the KVKV patterns by using "fun stick". Initial data gathering were conducted through the diagnostic tests, interview and document analysis methods. Through the analysis of the initial data gathered, it was found that all participants were still very weak in spelling words with the KVKV patterns. Thus, the usage of "fun stick" was to help enhancing that particular spelling skill among them. The data gathering methods used in this research were the tests, interview and documents analysis methods. The data analysis showed that participants scored higher marks in the post-tests than the pre-tests. Three participants scored an A after the intervention whereas one scored a B. Through the interview with a Bahasa Malaysia teacher, it was found that there was a positive behavioral change among the participants after the intervention. The documents analysis showed that there was an enhancement in the skill of spelling words with the KVKV patterns after the intervention. Suggestions for improvements for further research are expanding the uses of the "fun stick" with the integration of the ICT in teaching and learning of words spelling skills in Bahasa Malaysia. This is to give more chances to the participants to learn spelling skills in an enjoyable and fun manner.

Keywords : spelling skill, KVKV patterns, "fun stick"

PENDAHULUAN

Pengkaji merupakan siswa pendidik tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Januari 2013 dalam pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini dijalankan adalah berkenaan dengan meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKV murid bermasalah pendengaran tahun pengukuhan dengan menggunakan Fun Stick.

Menurut Safani Bari, (2007), mempelajari subjek Bahasa Malaysia bukanlah mudah terutamanya bagi murid masalah pendengaran kerana mereka mengalami kerosakan pada deria pendengaran mereka. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009), kemahiran mendengar dan bertutur mesti mendahului kemahiran membaca dan menulis. Hal ini menyebabkan murid masalah pendengaran mengalami kesukaran dalam kemahiran mengeja kerana mereka tidak dapat mendengar dan bertutur.

Oleh itu, kajian tindakan yang pengkaji lakukan adalah berfokus kepada meningkatkan kemahiran mengeja perkataan KVKV dalam kalangan murid masalah pendengaran Tahun Pengukuhan menggunakan fun stick. Kajian ini dijalankan dengan mengumpul dan mentadbir data melalui ujian diagnostik, temu bual bersama guru dan juga menganalisis dokumen seperti buku latihan dan lembaran kerja peserta kajian. Penggunaan fun stick telah memudahkan lagi murid untuk memahami dan mengingat isyarat dan ejaan perkataan KVKV dalam sesi pembelajaran yang menyeronokkan.

METADOLOGI


Peserta kajian pengkaji adalah murid Tahun Pengukuhan sekolah pendidikan khas masalah pendengaran. Kajian ini melibatkan 3 orang peserta kajian perempuan berbangsa Melayu (PK1, PK2, PK3) dan seorang peserta kajian perempuan berbangsa Cina (PK4). Mereka mempunyai masalah dalam kemahiran mengeja perkataan Bahasa Malaysia bersuku kata KVKV kerana pengetahuan asas mereka hanyalah mengenal abjad sahaja. Mereka mempunyai tahap kehilangan pendengaran yang teruk dan kesemuanya memakai alat bantu dengar (ABD).

Kajian ini berfokus kepada kemahiran mengeja perkataan dua suku kata KVKV kerana pengkaji melihat kepada kepentingan kemahiran mengeja dalam penulisan Bahasa Malaysia. Pengkaji berpendapat sekiranya masalah ini tidak diatasi, ianya akan menjadi kebiasaan kepada murid masalah pendengaran dan perkara ini akan menjadi masalah yang lebih serius dalam kemahiran penulisan.

Pengkaji menjalankan kajian ini dengan melihat situasi masalah murid dan juga kemampuan dan kebolehan pengetahuan pengkaji. Kajian yang dijalankan ini juga berlaku dalam skop masa yang singkat iaitu dalam tiga sesi PdP sahaja tetapi berkualiti. Hal ini kerana pengkaji percaya bahawa kualiti lebih baik jika dibandingkan dengan kuantiti. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan fun stick ini mampu membentuk tingkah laku positif yang dikehendaki dan membantu murid untuk fokus dan menguasai mana-mana isi kandungan dalam suatu mata pelajaran dengan baik.

Justeru itu, kajian ini secara tidak langsung mampu membantu meningkatkan prestasi sekolah dan juga tahap kecemerlangan akademik sekolah.

Untuk itu, pengkaji menggunakan rekabentuk kajian tindakan yang menggunakan empat peringkat tindakan berdasarkan model Kurt Lewin dengan menggunakan satu kitaran.



Rajah 1 : Pelan Tindakan berasaskan Model Kiut Lewin (1946)

Kajian ini dilaksanakan semasa PdP sebanyak tiga kali sesi pembelajaran. Pada langkah pertama pengajaran, pengkaji menunjukkan empat fun stick gambar objek dan empat fun stick perkataan KVKV menggunakan peta minda. Peserta kajian dibimbing oleh pengkaji untuk mengisyaratkan gambar yang dilihat. Kemudian, peserta kajian diminta untuk mengeja perkataan tersebut. Langkah kedua, pengkaji menjalankan aktiviti memadankan gambar dengan perkataan menggunakan fun stick. Peserta kajian diminta untuk memadankan fun stick perkataan KVKV dengan fun stick gambar yang betul. Langkah ketiga, peserta kajian diminta mencucuk fun stick yang mempunyai pecahan suku kata di atas papan polistren dengan padanan ejaan yang betul. Sebagai contoh, fun stick suku kata “bu” perlu dicantumkan dengan fun stick suku kata “ku” untuk membentuk perkataan KVKV “buku”. Kemudian, peserta kajian diminta untuk mencucuk fun stick gambar isyarat perkataan yang dieja. Langkah keempat, pengkaji telah menyediakan lembaran kerja yang perlu dijawab secara individu untuk pengkaji menilai pencapaian peserta kajian secara individu.

Untuk menilai keberkesanan fun stick dalam meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKV, pengkaji menggunakan tiga instrumen untuk mengutip data iaitu ujian Pra dan ujian Pasca, analisis dokumen iaitu lembaran kerja serta temu bual bersama guru Bahasa Malaysia yang mengajar peserta kajian. Menurut Nor Izati Mohamed Jamil (2013), kajian yang dijalankan haruslah tepat dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan dengan memilih tiga jenis instrumen untuk mengumpul data, tahap kebolehpercayaan akan meningkat.


Pengkaji menganalisis data yang diperoleh setelah maklumat dikumpul. Ujian dianalisis melalui skema permarkahan analitik iaitu dalam bentuk peratusan, temu bual dianalisis dengan merujuk pada tiga tema yang ditetapkan iaitu tema pertama

berkaitan dengan aspek kefahaman dan kemahiran. Tema kedua berkaitan aspek keberkesanan penggunaan fun stick manakala tema ketiga berkaitan aspek afektif dan analisis dokumen dianalisis dengan mengira markah yang betul.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan persoalan kajian pertama ini, pengkaji mendapati bahawa penggunaan fun stick dapat membantu murid masalah pendengaran Tahun Pengukuhan untuk mengisyaratkan perkataan KVKV yang diuji dengan betul. Hal ini dapat dibuktikan melalui hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan bersama guru mata pelajaran Bahasa Malaysia peserta kajian. Hasil dapatan temu bual mendapati bahawa maklum balas yang positif daripada guru Bahasa Malaysia peserta kajian ini menunjukkan penggunaan fun stick adalah berkesan kerana telah meningkatkan penguasaan isyarat perkataan KVKV peserta kajian berbanding sebelum tindakan dilaksanakan.

Berdasarkan persoalan kajian kedua pula, pengkaji mendapati bahawa penggunaan fun stick ini dapat membantu murid masalah pendengaran Tahun Pengukuhan mengeja perkataan KVKV dengan betul. Hal ini terbukti apabila keputusan ujian pasca menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding keputusan ujian pra. Berikut merupakan analisis yang telah dilakukan pengkaji berkenaan keputusan ujian pra dan pasca yang diperolehi oleh keempat-empat peserta kajian.



Rajah 2. Graf Perbandingan Ujian Pra dan Pasca

Rajah 1 menunjukkan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi PK 1, PK 2, PK 3 dan PK 4. Dalam ujian pra, PK 1 hanya mendapat markah sebanyak 42% iaitu pada tahap yang tidak memuaskan. Namun, PK 1 telah berjaya mendapat markah sebanyak 83% iaitu pada tahap yang cemerlang dalam ujian pasca.

Ini menunjukkan tahap keberkesanan penggunaan fun stick meningkat daripada tidak memuaskan kepada cemerlang dengan jumlah peningkatan sebanyak 41%.

PK 2 pula hanya mendapat markah sebanyak 33% iaitu pada tahap gagal dalam ujian pra. Namun, PK 2 telah mendapat markah sebanyak 92% iaitu pada tahap cemerlang dalam ujian pasca. Ini menunjukkan tahap keberkesanan penggunaan fun stick meningkat daripada gagal kepada cemerlang dengan jumlah peningkatan sebanyak 59%.

PK 3 telah mendapat markah sebanyak 25% iaitu pada tahap gagal dalam ujian pra. Namun begitu, PK 3 telah mendapat markah sebanyak 75% iaitu pada tahap

yang sederhana dalam ujian pasca. Ini menunjukkan tahap keberkesanan penggunaan fun stick meningkat daripada gagal kepada sederhana dengan jumlah peningkatan sebanyak 50%. Walau bagaimanapun, tahap pencapaian PK 3 masih berada pada tahap sederhana.

PK 4 pula telah mendapat markah sebanyak 33% iaitu pada tahap gagal dalam ujian pra. Namun, PK 4 telah mendapat markah sebanyak 100% iaitu pada tahap cemerlang dalam ujian pasca. Ini menunjukkan tahap keberkesanan penggunaan fun stick meningkat daripada gagal kepada cemerlang dengan jumlah peningkatan sebanyak 67% sekaligus menjadikan PK 4 antara peserta kajian yang memperoleh peratus peningkatan yang paling tinggi berbanding peserta kajian yang lain.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian mendapati penggunaan fun stick dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran mengeja bagi murid bermasalah pendengaran Tahun Pengukuhan.

Penggunaan fun stick gambar objek, fun stick gambar isyarat dan fun stick perkataan KVKV juga membantu peserta kajian yang lemah dalam ejaan kerana penggunaan fun stick ini boleh dilihat dengan jelas dan boleh dipegang. Hal ini dapat mengelakkan murid daripada berasa tertekan dan bosan untuk mengikuti pengajaran yang dijalankan.

Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Mohd Wazir Saiti (2011). Penggunaan fun stick ini telah dapat memberikan keseronokan kepada murid untuk menulis perkataan dengan ejaan yang betul. Menurut Yalow Anak Marcos (2006), yang mana beliau menyatakan sekiranya alat bantu mengajar digunakan dengan bijak dan betul, maka objektif pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik dapat dicapai.

Penggunaan fun stick yang digunakan telah membentuk satu pengalaman konkrit peserta kajian sekaligus membantu mereka untuk mengingat setiap ejaan perkataan KVKV dengan betul dan terbukti semasa mereka menjawab ujian pasca dan mendapat tahap pencapaian cemerlang. analisis dokumen iaitu lembaran kerja serta temu bual bersama guru Bahasa Malaysia yang mengajar peserta kajian. Menurut Nor Izati Mohamed Jamil (2013), kajian yang dijalankan haruslah tepat dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan dengan memilih tiga jenis instrumen untuk mengumpul data, tahap kebolehpercayaan akan meningkat.

Pengkaji menganalisis data yang diperolehi setelah maklumat dikumpul. Ujian dianalisis melalui skema permorkahan analitik iaitu dalam bentuk peratusan, temu bual dianalisis dengan merujuk pada tiga tema yang ditetapkan iaitu tema pertama berkaitan dengan aspek kefahaman dan kemahiran. Tema kedua berkaitan aspek keberkesanan penggunaan fun stick manakala tema ketiga berkaitan aspek afektif dan analisis dokumen dianalisis dengan mengira markah yang betul.

Hasil dapatan kajian mendapati penggunaan fun stick dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran mengeja bagi murid bermasalah pendengaran Tahun Pengukuhan.

Penggunaan fun stick gambar objek, fun stick gambar isyarat dan fun stick perkataan KVKV juga membantu peserta kajian yang lemah dalam ejaan kerana penggunaan fun stick ini boleh dilihat dengan jelas dan boleh dipegang. Hal ini dapat mengelakkan murid daripada berasa tertekan dan bosan untuk mengikuti pengajaran yang dijalankan.

Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Mohd Wazir Saiti (2011). Penggunaan fun stick ini telah dapat memberikan keseronokan kepada murid untuk menulis perkataan dengan ejaan yang betul. Menurut Yalow Anak Marcos (2006), yang mana beliau menyatakan sekiranya alat bantu mengajar digunakan dengan bijak dan betul, maka objektif pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik dapat dicapai.

Penggunaan fun stick yang digunakan telah membentuk satu pengalaman konkrit peserta kajian sekaligus membantu mereka untuk mengingat setiap ejaan perkataan KVKV dengan betul dan terbukti semasa mereka menjawab ujian pasca dan mendapat tahap pencapaian cemerlang.

Ini selaras dengan kajian oleh Davidovitch, Yavich, & Keller (2014) di mana pembelajaran berasaskan pengalaman memberi kesan kepada pancaindera, emosi dan kognitif murid.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya membantu keempat-empat peserta kajian untuk meningkatkan kemahiran mengeja perkataan KVKV. Objektif kajian juga telah berjaya dicapai apabila keempat-empat peserta kajian menunjukkan peningkatan yang positif dalam kemahiran mengeja perkataan KVKV. Pengkaji berharap agar penggunaan fun stick ini dapat diperluaskan di samping mempelbagaikan penggunaan teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat murid untuk mencapai keseronokan.

Cadangan

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa cadangan tindakan susulan yang boleh dilaksanakan untuk kajian seterusnya. Menurut Pisapa (2007), integrasi information and communication technology (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran bermaksud penggunaan teknologi pembelajaran untuk memperkenalkan, mengukuh dan menambah kemahiran. Oleh sebab itu, pengkaji berpendapat bahawa pada pengajaran yang seterusnya pengkaji akan menerapkan unsur ICT dalam pengajaran di samping menggunakan

fun stick. Penggunaan video dan powerpoint interaktif dapat membantu peserta kajian untuk mengingat dan mengeja perkataan.

Cadangan ini selari dengan Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2009), yang menyatakan bahawa teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran. Dalam pada itu, berdasarkan anjakan transformasi pendidikan yang ketujuh di dalam

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), menyatakan bahawa perlunya guru memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia dengan memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri untuk memperluaskan akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid. Oleh itu, pengkaji percaya dengan pengintegrasian ICT dalam penggunaan fun stick ini dapat banyak membantu guru-guru dalam mengatasi masalah kebosanan murid dalam aspek ejaan.

RUJUKAN

- Davidovitch, N., Yavich, R. & Keller, N. (2014). Mathematics and experiential learning – are they compatible? *Journal of College Teaching & Learning*, 135-148.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: KPM.
- Mohamad Wazir Bin Saiti. (2011). *Meningkatkan Kemahiran Mengeja Dalam Kalangan Murid Bermasalah Pendengaran Tahun 3 K Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Dengan Menggunakan Kad Perkataan Dan Kad Gambar*. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid Dan Alam Belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Pisapa, J. (2004). *Integrating Technology Into Teaching And Learning*. Singapore: Prentice Hall.
- Safani Bari. (2007). *HBSH1203 pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak masalah pendengaran*. Selangor: Open University Malaysia (OUM).
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Malaysia II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Yalow Anak Maros. (2006). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Melayu : Kajian Di Sekolah Rendah Bermasalah Pendengaran Di Bandar Seremban*. Tesis Tidak Diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia